

03 SEP 1996

KARNIVAL MEMBELI BELAH DI LANGKAWI SETIAP TAHUN

LANGKAWI, 3 Sept (Bernama) -- Kerajaan Kedah merancang mengadakan karnival membeli belah di Langkawi setiap tahun sebagai usaha menarik lebih ramai pelancong ke pulau peranginan ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain hari ini berkata, usaha itu adalah sebagai menyambut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya pelbagai acara menarik diadakan di Langkawi bagi menggambarkan tarafnya sebagai pulau bekas cukai.

Sebagai permulaan, karnival pertama yang dikenali sebagai "G18" yang melibatkan penyertaan 18 kedai, restoran dan gerai akan diadakan selama enam minggu mulai 23 Nov ini, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa karnival itu, di sini.

Menurut beliau, barangan yang dijual dan perkhidmatan yang disediakan sepanjang karnival itu adalah pada harga yang berpatutan dan bermutu.

Mengenai rungutan pengunjung mengenai harga barangan yang terlalu tinggi, Syed Razak berkata, kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk menstabilkan harga di Langkawi, termasuk mewujudkan kedai harga patut.

Beliau berkata bagi menarik lebih ramai pengunjung ke karnival itu, jawatankuasa itu akan mengadakan rundingan dengan pengusaha feri supaya memberi potongan kadar tambang semasa karnival itu.

Pihak pengurusan hotel dan chalet juga akan diminta memberi harga istimewa sepanjang tempoh itu, katanya -- BERNAMA

ZI MFJ PR